

GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI ROLE MODEL  
MELALUI DAKWAH KETELADANAN

Muhammad Haziq Abdul Satar  
haziq11-968@epembelajaran.edu.my

Nor Alniza Binti Azman  
alniza11-69@epembelajaran.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Guru Pendidikan Islam memainkan peranan yang besar dalam pembentukan akhlak murid. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap persepsi murid terhadap guru pendidikan islam sebagai *role model* dan tahap dakwah keteladanan guru pendidikan islam di sekolah rendah. Kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik melibatkan 126 orang murid tahun enam di SK Bandar Baru Salak Tinggi. Analisis data menggunakan perisian SPSS 26.0 untuk membuat analisis deskriptif (min dan sisaan piawai) serta analisis inferensi (Korelasi Pearson). Hasil kajian rintis daripada ujian Cronbach Alpha bagi setiap konstruk menunjukkan tahap kebolehpercayaan adalah 0.8. Keputusan ujian mendapati bahawa tahap persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* dan dakwah keteladanan GPI adalah tinggi. Keputusan analisis Korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara persepsi murid dan dakwah keteladanan GPI. Implikasi daripada kajian diharapkan dapat memberikan panduan kepada GPI untuk menunjukkan keteladanan yang baik agar dapat menjadi qudwah kepada murid kerana GPI memberikan pengaruh dan kesan yang besar bukan sahaja kepada murid bahkan masyarakat amnya.

Kata kunci : Persepsi, GPI sebagai *role model*, Dakwah keteladanan GPI

*Abstract*

*Teachers of Islamic Education play a major role in the formation of student morals. The purpose of this study was to identify the level of students' perception of Islamic education teachers as a role model and the level of exemplary preaching of Islamic education teachers in primary schools. This survey study uses a feedback questionnaire involving 126 sixth year students at SK Bandar Baru Salak Tinggi. Data analysis used SPSS 26.0 software to perform descriptive analysis (mean and standard deviation) as well as inferential analysis (Pearson Correlation). The results of the pilot study from the Cronbach Alpha test for each construct showed a level of reliability of 0.8. The test results found that the level of students' perception of GPI as a role model and the preaching of exemplary GPI was high. The results of Pearson Correlation analysis showed that there was a positive relationship between students' perceptions and the preaching of exemplary GPI. The implications of the study are expected to provide guidance to GPI to show a good example in order to be qudwah to students because GPI gives a great influence and impact not only to students but society in general.*

*Keywords:* Perception, GPI as a role model, Dakwah of exemplary GPI

Seorang guru mempunyai peranan yang besar bagi melahirkan murid yang bukan sahaja berilmu namun dalam masa yang sama juga mempunyai akhlak yang mulia. Seorang guru Pendidikan Islam dilihat bukan sahaja menyampaikan ilmu dan menjawat pekerjaan,tetapi tugasnya adalah mendidik, membimbang dan memimpin pelajar untuk menjadi seorang muslim yang syumul serta mampu menghadapi cabaran dalam arus kemodenan dan globalisasi (Nordin, 2002). Selain daripada itu, guru juga turut berkemampuan untuk mengubah persekitaran di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Hanim dan Siti Maisarah (2011) mendapati guru mempunyai perkaitan yang positif dengan penentuan iklim di sekolah. Suasana dan persekitaran sekolah sedikit

sebanyak dipengaruhi oleh para guru yang menetap di sekolah meliputi sistem, tatacara, undang-undang dan aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan idea yang lahir dari para pendidik itu. Jika sesebuah sekolah didokongi oleh para guru yang berpandangan jauh, berakhhlak mulia, berfikiran positif maka produk yang dihasilkan juga akan turut sama.

### **Penyataan Masalah**

Seorang guru bukan hanya memainkan peranannya untuk mengajar, mendidik bahkan secara khusus guru bertanggungjawab membentuk sikap, nilai dan akhlak murid serta mampu menjadi contoh kepada setiap anak didik dan juga masyarakat (Abu Bakar Nordin dan Ihksan Othman, 2003). Satu kajian yang dijalankan oleh Ismail Abbas (2004) melaporkan keruncingan masalah akhlak di sekolah berpunca dari kelalaian guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pembimbing.

Kajian-kajian lepas menunjukkan ramai pendidik termasuklah guru Pendidikan Islam tidak mampu untuk menjadikan dirinya sebagai *role model* malahan ada juga yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajarnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Tamuri, Yusop, Othman, Awaluddin, Abdul Rahim dan Ab.Razak, 2004). Antara lain, menurut Duki (2004), turut menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam tidak mampu untuk membentuk diri mereka selaku pembimbing dan *role model* kepada pelajarnya. Manakala Rahman Daud (2002) mendapati guru-guru bidang Pendidikan Islam yang dilantik sebagai pembimbing kurang bersedia untuk memainkan peranan mereka. Seterusnya Asmawati Suhid (2007) yang menjalankan kajian dalam bidang akhlak mendapati peranan guru khususnya GPI perlu diperkasakan dari sudut kesedaran dan pengamalan dalam sistem semasa di sekolah. Pengamalannya yang dimaksudkan adalah termasuk dari aspek hubungkait psikologis antara murid dan pendidik.

Di samping itu masih terdapat segelintir guru Pendidikan Islam yang mempunyai personaliti yang kurang memuaskan seperti mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah dan merokok di kawasan yang terbuka (Abu Bakar, 2007). Krisis akhlak pelajar yang berlaku dewasa ini mempunyai hubungan dengan personaliti guru yang dipamerkan kerana personaliti yang ditunjukkan mampu mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar (Tamuri, 2004). Kajian terdahulu dan yang terkini di Malaysia membuktikan bahawa GPI masih gagal untuk menunjukkan kewibawaan sebagai *qudwah hasanah* dan *role model* dalam masyarakat (Norhannan, 2016).

Isu kebejatan sosial yang berlaku dalam kalangan remaja turut mengaitkan kewibawaan GPI dalam melaksanakan tugas mendidik sahsiah murid (Noornajihan & Ab. Halim, 2013). Kegagalan GPI melaksanakan tugas membentuk sahsiah murid serta menjadi contoh yang baik dikatakan menyumbang kepada masalah sosial yang semakin serius melibatkan pelajar sekolah (Zaharah, 2001). Beberapa laporan akhbar dan media sosial juga turut melaporkan beberapa isu yang membabitkan kredibiliti GPI yang semakin tercemar. Harian Metro telah mendedahkan salah laku guru yang dituduh mencabul murid dalam kawasan sekolah (Harian Metro, 2010). Pada tahun berikutnya terdapat laporan mengenai GPI yang hilang kesabaran dan mendera murid sehingga membawa kepada kematian (Berita Harian, 2011).

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti tahap persepsi murid terhadap guru pendidikan Islam sebagai *role model*
- ii. Mengenal pasti tahap dakwah keteladanan guru pendidikan Islam di sekolah
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara persepsi murid terhadap guru pendidikan Islam sebagai *role model* dengan model dengan dakwah keteladanan guru pendidikan Islam di sekolah

### **Soalan Kajian**

- i. Apakah tahap persepsi murid terhadap guru pendidikan Islam sebagai *role model*?
- ii. Apakah tahap dakwah keteladanan guru pendidikan Islam?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara persepsi murid terhadap guru pendidikan Islam sebagai *role model* dengan dakwah keteladanan guru pendidikan Islam di sekolah?

### Tinjauan Literatur

Persepsi merupakan elemen yang penting dalam proses berfikir kerana ia sebagai proses awal atau pembuka untuk seseorang berfikir dengan lebih jauh. Menurut Asrori, 2009 pengertian persepsi adalah “proses individu dalam menginterpretasikan, mengorganisasikan dan memberi makna terhadap stimulus yang berasal dari lingkungan di mana individu itu berada yang merupakan hasil dari proses belajar dan pengalaman. Persepsi juga dapat mendorong seseorang untuk mengikuti apa yang dipersepsikan olehnya sekaligus mempengaruhi keputusan yang akan diambil.

Manakala keteladanan berasal daripada perkataan teladan yang bererti sesuatu yang patut ditiru atau baik untuk dicontohi (Alwi, 2001). Justeru itu dakwah keteladanan pula adalah situasi yang dapat mempengaruhi seseorang untuk mencontohi keteladanan yang ditunjukkan. Keteladanan baik yang ditunjukkan oleh guru pasti akan turut memberikan persepsi yang baik murid.

Sehubungan dengan itu, teori akhlak al Ghazali telah dipilih sebagai panduan kajian kerana mempunyai persamaan dalam pembentukan tingkah laku seseorang sama ada melalui kaedah pemerhatian, peniruan dan peneguhan atau motivasi. Pengaruh guru Pendidikan Islam sebagai teladan amat sesuai diimplementasikan menggunakan teori ini. Tambahan lagi pemerhatian juga dibuat secara langsung oleh murid murid kepada guru guru pendidikan Islam di sekolah. Teori akhlak al Ghazali memperlihatkan kepada kita bahawa akhlak itu bukanlah suatu yang dibuat buat atau yang dilakukan. Tetapi ia adalah sifat sebenar, spontan dan semula jadi yang ada dalam diri seseorang sama ada dia seseorang yang memang mengamalkan akhlak akhlak mulia sehingga sebatik dalam dirinya atau seseorang yang baru berjinak dan melatih dirinya untuk mengamalkan nilai nilai murni sehingga dia sebatik dengannya.

Justeru, semua guru dan guru pendidikan Islam khususnya perlulah sedar dan insaf akan hal ini. Hal ini kerana guru guru merupakan ibu bapa kedua murid murid di sekolah yang akan mendidik dan membentuk mereka. Oleh itu penting dalam hal ini bagi guru mempunyai dan mengamalkan akhlak akhlak yang mulia untuk mendidik murid murid kerana pendidikan dan pelajaran yang terbaik adalah tidak lain tidak bukan dengan perbuatan (bil hal) atau seperti yang yang disebutkan iaitu keteladanan. Guru dalam sistem Pendidikan Islam mestilah memenuhi segala tuntutan sebagai *role model* atau *qudwah hasanah* kepada masyarakat, sebagai agen perubahan dalam masyarakat melalui sistem pendidikan sedia ada sama ada secara formal maupun tidak formal. Mohd Hashim (2003), menyatakan bahawa tanggungjawab guru yang terbesar adalah menyuburkan akhlak dan jiwa anak anak di bawah didikannya.

### Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menekankan kepada objektif khusus untuk menterjemahkan persoalan kajian di samping membantu pengkaji mengumpul serta menganalisis data (Chua, 2006:2009; Fraenkel, 2007). Kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan fakta menggunakan pengukuran objektif dan analisis statistik data untuk menjelaskan sesuatu perkara yang berlaku (Yin, 2003). Seramai 126 murid tahun enam di SK Bandar Baru Salak Tinggi menjadi responden bagi kajian ini. Pemilihan sampel menggunakan sampel rawak mudah untuk memberi peluang yang sama kepada responden untuk terlibat dalam kajian ini di samping dapat mengelakkan berlakunya bias dalam pemilihan sampel.

Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A tentang demografi, B berkaitan persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* dan bahagian C adalah dakwah keteladanan GPI. Bahagian A terdiri daripada dua soalan, bahagian B sebanyak 11 soalan dan bahagian C mempunyai 13 soalan. Kesemua item ini diadaptasi daripada kajian lepas oleh Suzairi (2010). Skala yang digunakan bermula daripada nilai rendah sehingga nilai tinggi. Konstruk persepsi murid dan dakwah keteladanan menggunakan skala Likert lima mata yang sama iaitu skor 1 mata (sangat tidak setuju), skor 2 mata (tidak setuju), skor 3 mata (tidak pasti), skor 4 mata (setuju) dan skor 5 mata (sangat setuju).

Kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen. Hasil ujian *Cronbach Alpha Item* persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* ialah 0.86 dan item bagi dakwah keteladanan ialah 0.86. Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 26.0. Penganalisisan data menggunakan statistik deskriptif yang dianalisis melalui taburan frekuensi, peratusan dan min untuk mengenal pasti tahap persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* dan dakwah keteladanan GPI di sekolah. Ujian Korelasi Pearson pula dijalankan untuk melihat hubungan di antara persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* dan dakwah keteladanan GPI di sekolah.

### Dapatkan Kajian

Hasil dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu taburan demografi, tahap persepsi murid terhadap GPI, tahap dakwah keteladanan GPI serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Data dianalisis secara deskriptif bagi mencari min, peratus dan frekuensi untuk menjawab persoalan kajian berkaitan tahap persepsi dan dakwah. Seterusnya analisis inferensi iaitu ujian korelasi pearson dibuat untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah.

#### a. Taburan Demografi

Kajian ini melibatkan 126 murid tahun enam di SK Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor. Seramai 55 (43.7%) murid lelaki dan 71 (56.3%) murid perempuan tahun 6 telah dipilih bagi menjadi responden. Manakala bagi murid yang pernah dikenakan hukuman disiplin seramai 16 (12.7%) dan seramai 110 (87.3%) tidak pernah dikenakan hukuman disiplin.

Jadual 1  
*Taburan Demografi Murid*

Latar belakang demografi	Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	55	43.7
	Perempuan	71	56.3
Pernah mengalami masalah disiplin	Ya	16	12.7
	Tidak	110	87.3

#### b.Tahap Persepsi Murid Terhadap Guru Pendidikan Islam Sebagai *Role Model*

Hasil analisis deskriptif, kajian mendapati tahap persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* keseluruhannya adalah tinggi berdasarkan dapatan nilai skor min = 4.47 dan sisihan

piawai 0.45. Interpretasi skor min menurut Bahaman dan Turiman (1999) menyatakan nilai skor min antara 4.01 hingga 5.0 adalah tinggi. Dapatkan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai persepsi yang baik terhadap GPI.

Kajian ini akan mengupas secara terperinci dapatan tentang persepsi murid terhadap GPI sebagai *role model* berdasarkan dua konstruk. Hasil dapatan menunjukkan kedua dua konstruk berada pada tahap yang tinggi iaitu personaliti dengan nilai min = 4.62, sisihan piawai = 0.39 dan sifat peribadi dengan nilai min = 4.34, sisihan piawai = 0.55.

**Jadual 2**

*Tahap Persepsi Murid Terhadap Guru Pendidikan Islam Sebagai Role Model*

No.	Item	Skor min	Sisihan piawai	Interpretasi
<b>B01</b>	Ustaz/ Ustazah sentiasa memakai pakaian yang kemas sesuai dengan profesion seorang guru	4.68	.51	Tinggi
<b>B02</b>	Ustaz/ ustazah memakai pakaian yang menutup aurat dengan sempurna	4.84	.44	Tinggi
<b>B03</b>	Ustaz/ Ustazah selalu masuk kelas tepat pada waktunya	4.17	.79	Tinggi
<b>B04</b>	Ustaz/ Ustazah sentiasa menjawab salam saya	4.52	.70	Tinggi
<b>B05</b>	Apabila berjanji, ustaz/ustazah selalu menunaikannya	4.41	.70	Tinggi
<b>B06</b>	Ustaz/ ustazah suka membaca al Quran apabila ada masa terluang	4.29	.82	Tinggi
<b>B07</b>	Apabila memarahi dan menghukum murid, ustaz/ ustazah akan bersikap adil tanpa pilih kasih	4.44	.74	Tinggi
<b>B08</b>	Ustaz/ ustazah sering menasihati murid dengan menggunakan perkataan yang baik	4.60	.58	Tinggi
<b>B09</b>	Ustaz/ ustazah kerap menunaikan solat secara berjemaah di surau	4.06	.88	Tinggi
<b>B10</b>	Ustaz/ustazah sering melemparkan senyuman apabila berjumpa dengan murid	4.49	.64	Tinggi
<b>B11</b>	Ustaz/ ustazah menunjukkan akhlak yang baik terhadap muridnya	4.67	.53	Tinggi
MIN KESELURUHAN		4.47	0.45	Tinggi

**C Tahap Dakwah Keteladanan Guru Pendidikan Islam**

Berdasarkan analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap dakwah keteladanan guru pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min=4.26 dan sisihan piawai=0.48. dapatkan ini menunjukkan murid menyambut baik contoh tauladan yang ditunjukkan oleh GPI bahkan turut serta mengamalkannya.

Rumusannya, pengkaji menetapkan dua konstruk bagi mengukur dakwah keteladanan GPI dalam kalangan murid iaitu sifat peribadi dan personaliti. Kedua dua konstruk mencatatkan nilai skor min yang tinggi dan jurang perbezaan nilai min antara kedua dua konstruk sedikit sahaja sebanyak 0.03. Hal ini menunjukkan sifat peribadi dan personaliti guru pendidikan Islam kedua duanya memberikan kesan yang tinggi kepada murid dan tidak memberi perbezaan besar kepada murid untuk mencontohnya.

Jadual 3  
*Tahap Dakwah Keteladanan Guru Pendidikan Islam*

No.	Item	Skor min	Sisiha n piawa i	Interpre tasi
C01	Saya sentiasa berpakaian kemas apabila ustaz/ ustazah berpakaian kemas	4.48	.67	Tinggi
C02	Saya memakai pakaian yang menutup aurat kerana ustaz/ ustazah juga menutup aurat dengan sempurna	4.71	.62	Tinggi
C03	Saya membuat keputusan yang adil mengikut apa yang diajar oleh ustaz/ ustazah	4.50	.65	Tinggi
C04	Saya memberi salam kepada orang lain kerana diajar oleh ustaz/ ustazah	4.70	.64	Tinggi
C05	Saya sentiasa membaca al Quran bila ada masa yang terluang seperti yang dilakukan oleh ustaz/ ustazah	4.17	.86	Tinggi
C06	Saya menepati janji kerana itu yang diajar ustaz/ ustazah	4.39	.81	Tinggi
C07	Saya solat berjemaah di surau bersama sama ustaz/ ustazah	4.04	.90	Tinggi
C08	Saya datang awal ke sekolah keana ustaz/ ustazah juga datang awal ke sekolah	4.17	.87	Tinggi
C09	Saya menggunakan perkataan yang baik seperti yang digunakan oleh ustaz/ ustazah dalam percakapan- p	4.48	.73	Tinggi
C10	Saya lebih tertarik untuk mencontohi akhlak ustaz/ ustazah berbanding akhlak ibu bapa saya kerana saya rasakan ustaz/ ustazah lebih betul-	3.33	1.15	Sederhana Tinggi
C11	Saya mencontohi segala tingkah laku yang baik oleh ustaz/ ustazah	4.24	.78	Tinggi
C12	Akhlik saya bertambah baik selepas mencontohi akhlak ustaz/ ustazah di sekolah	4.14	.79	Tinggi
C13	Ustaz/ ustazah merupakan pendorong utama dalam pembentukan akhlak saya	4.13	.90	Tinggi
MIN KESELURUHAN		4.26	0.48	Tinggi

#### **A. Hubungan Antara Persepsi Murid Terhadap GPI Sebagai *Role Model* Dan Dakwah Keteladanan GPI.**

Analisis Korelasi Pearson dijalankan untuk mengenal pasti hubungan di antara kedua dua boleh ubah. Jadual 4 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperoleh daripada hasil analisis yang dibuat.

Keputusannya menunjukkan bahawa pekali Korelasi Pearson antara kedua dua pemboleh ubah adalah  $r = 0.69$ ,  $P=0.00$  ( $p<0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan kedua dua pemboleh ubah mempunyai hubungan yang positif dengan kekuatan pada tahap yang tinggi. Maka hipotesis nol kajian ditolak.

Jadual 4  
*Hubungan antara persepsi murid terhadap GPI dan dakwah keteladanan*

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
<b>Persepsi GPI sebagai role model dan Dakwah Keteladanan GPI</b>	0.69**	0.00	Tinggi

### Perbincangan

Kajian menunjukkan tahap persepsi murid ter hadap GPI sebagai *role model* adalah tinggi. Hal ini menunjukkan guru pendidikan Islam menunjukkan contoh dan tauladan yang baik kepada murid. Hal ini selari dengan Zaharah (2001) menjelaskan antara pandangan murid terhadap personaliti guru-guru mereka ialah guru hendaklah menjadi contoh terbaik muridnya, guru hendaklah memiliki sahsiah diri yang sempuma, guru tidak patut menampilkan keaiban dirinya dan murid menjadikan guru agama di sekolah sebagai contoh, idola atau *role model* mereka.

Nilai min personaliti yang tinggi menunjukkan bahawa personaliti yang ditunjukkan oleh guru pendidikan Islam menjadi perhatian murid. Mohd Salleh (2004) menyatakan guru perlu membuktikan bahawa dia mampu menampilkan personaliti yang baik dan menjadikan dirinya sebagai *role model*. Ciri-ciri seorang guru yang dijadikan sebagai *role model* adalah seperti berakhhlak mulia, berpenampilan baik, berilmu, mempunyai tingkah laku yang baik, menjaga kebersihan dan pakaian, bertutur kata sopan, menghindari kata-kata keji dan hina, menzahirkan kata-kata yang mesra, ikhlas, sabar dan saling menghormati antara satu sama lain kerana seorang pendidik perlulah menjadi teladan yang baik kepada para pelajarnya (Gamal, 2003). Mereka perlu sentiasa menunjukkan contoh teladan kepada para pelajar kerana sebagai seorang duta ilmu, pengetahuan, kelakuan dan tindak tanduk mereka sentiasa diperhatikan (Ab halim, Hamdi et al, 2013). Justeru GPI perlulah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia untuk menjadi *role model* yang baik kepada murid.

Seterusnya, tahap dakwah keteladanan GPI juga mencatatkan nilai min yang tinggi. Fenomena ini menunjukkan contoh tauladan yang ditunjukkan oleh GPI memberi kesan positif kepada murid serta membantu mereka untuk meneladani keteladanan yang ditunjukkan. Nordin (2007), menyatakan peranan dan kewibawaan guru sering menjadi persoalan dalam membentuk murid yang berilmu dan bertaqwa kepada Allah SWT yang mana dibuktikan bahawa perwatakan guru yang baik mampu membentuk dan menghasilkan insan generasi pelajar yang berilmu, sejahtera dan bersahsiah mulia. Guru tidak boleh tidak perlu menjadi contoh dan suri teladan yang baik bagi murid murid kerana guru antara mereka yang mewakili golongan yang diharapkan untuk mendidik dan membentuk masyarakat menjadi lebih baik dan mereka yang menjadi contoh dalam masyarakat (Hamzah,2007).

Di samping itu, Mohd Nordin (2003) dan Zaharah (2001), mengatakan bahawa seorang guru membawa pengaruh yang sangat besar terhadap pembentukan murid-murid sekolah rendah dan

penampilan guru menjadi satu perkara penting dalam membentuk akhlak murid-muridnya. Baharin & Suzana (2010) turut menyatakan seorang guru haruslah memperlengkap diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia supaya kelak segala amal kebaikan yang diajar akan dicontohi. Mohd Hashim (2003) menyatakan bahawa tanggungjawab guru yang terbesar adalah menyuburkan akhlak dan jiwa anak-anak di bawah didikannya.

Seterusnya hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap Guru Pendidikan Islam sebagai *role model* dan dakwah keteladanan guru pendidikan Islam di sekolah dan mempunyai hubungan yang positif dengan tahap kekuatan yang tinggi. Hal ini menunjukkan tahap persepsi murid terhadap guru pendidikan Islam sebagai *role model* mempunyai hubungan secara langsung dengan dakwah keteladanan iaitu semakin tinggi tahap persepsi murid terhadap guru Pendidikan Islam semakin tinggi dakwah keteladanan GPI. Dapatkan ini selari dengan Mohd Nordin (2001), mengatakan bahawa seorang guru membawa pengaruh yang sangat besar terhadap pembentukan murid-murid sekolah rendah dan penampilan guru menjadi satu perkara penting dalam membentuk akhlak murid-muridnya.

## Cadangan

### Hubungan Guru-Murid dalam Pembentukan Akhlak

Hubungan yang baik antara guru-murid dilihat mampu memberikan kesan yang baik kepada murid untuk mencontohi gurunya. Oleh itu guru-guru khususnya GPI perlu diberikan taklimat dan disedarkan tentang kepentingan menjaga hubungan baik dengan murid di sekolah. Pengisian berkaitan kepentingan ini kepada para GPI boleh dianjurkan ketika kursus, latihan, seminar dan persidangan yang melibatkan GPI

### Pembangunan Profesional GPI

Antara faktor bagi melahirkan para guru Pendidikan Islam yang mampu menjadi *role model* kepada murid adalah bermula seawal daripada institusi dan pensyarah yang memberi latihan perguruan kepada guru pelatih. Justeru itu GPI perlu mempunyai sensitiviti bahawa diri mereka sebenarnya sentiasa diperhatikan. Para guru *mursyid* perlu mencontohi Rasulullah saw dengan mendidik sepenuh hati kerana Allah swt serta mendekatkan diri dengan Allah swt dan para guru perlu beramal dengan ilmu yang disampaikan.

### Pengisian Diri GPI

Para pelatih guru perlu membuat persiapan sebaiknya terutama dalam menguasai konten dan strategi PdP, psikologi, kaunseling dan sebagainya. Para GPI juga perlu didedahkan dengan kemahiran mengenalpasti, mencungkil punca dan mencari cadangan alternatif penyelesaian masalah akhlak remaja sebagai persediaan awal menghadapi pelajar bermasalah di sekolah. Akhir sekali, GPI perlu disemai dengan perasaan empati terhadap kehidupan masyarakat yang pelbagai yang sememangnya menjadi faktor kepada permasalahan akhlak pelajar di sekolah bagi membina guru yang benar-benar mempunyai jiwa pendidik.

## Kesimpulan

Guru Pendidikan Islam memberi pengaruh yang besar kepada pembentukan akhlak murid berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian. Menjadi tanggungjawab GPI untuk

memberikan contoh keteladanan yang baik kepada murid agar dapat menjadi *role model* kepada mereka. Justeru GPI perlu mempersiapkan diri bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan bahkan juga dengan peribadi dan tingkah laku yang baik agar sebat dalam diri GPI akhlak yang mulia. GPI yang berjaya menjadi *role model* yang baik akan dapat membantu membentuk akhlak yang baik kepada murid.

### Rujukan

- Asmawati Suhid. (2007). *Pendidikan akhlak dan akhlak Islam: konsep dan amalan*. Utusan Publications.
- Baharin, A. & Suzana, M. (2010). Pengetahuan Etika Profesional Perguruan dalam Kalangan Guru Pelatih 4sPH fakulti Pendidikan, UTM. Retrieved April 7, 2014.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Chua. Yan Piaw (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education.Fraenkel,
- J.R. & Wallen, N.E. (2007). How To Design and Evaluate Research in Education. 7thed. New York: McGraw Hill Dera murid sampai mati tidak boleh dimaafkan.
- (2011, April 4). *Berita Harian*.
- Duki, M. 2004. Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam:satu kajian di daerah Kuala Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Gamal, A. N. Zakaria. (2003). Prinsip-prinsip pendidikan Islam. PTS Publication & Distributors SDN BHD.
- Hanim & Siti Maisarah, (2011). Sikap guru terhadap faktor penentu iklim sekolah di sebuah sekolah menengah swasta di daerah Johor Bahru. Retrieved April7,2014.[http://eprints.utm.my/11701/1/Sikap\\_Guru\\_Terhadap\\_Faktor\\_Penentu\\_Iklim\\_Sekolah\\_Di\\_Sebuah.pdf](http://eprints.utm.my/11701/1/Sikap_Guru_Terhadap_Faktor_Penentu_Iklim_Sekolah_Di_Sebuah.pdf)
- Mohammad Asrori. 2009, *Psikologi Pembelajaran*, CV Wacana Prima.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1), 2013 41-60.
- Nordin, T.A., Dan, N.(2001). *Pendidikan dan pembangunan manusia pendekatan bersepadu*. As-Syabab Media.
- Norhannan bt Ramli. (2016). *Prestasi Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Daya Kekuatan Dalaman, Kepimpinan Pengetua Dan Iklim Sekolah*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mohd Hamzah. 2007. Penilaian pelajar sekolah menengah terhadap amalan kepimpinan guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 35-50.
- Mohd Salleh, A. 2004. *Pendidikan Islam, falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rahman Daud. (2002). Peranan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dalam memartabatkan bahasa Melayu. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu (Ke-2: 8-15 Okt 2002 : Beijing, China)/ penyusun, Abdullah Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002) : Vol.1 (p.334-341).
- Tamuri, A.H, Yusop, A., Othman, K., Awaluddin, S., Abdul Halim, Z dan Abd Razak, K. 2004. Laporan penyelidikan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran

- Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Fakulti Pendidikan: Bangi.
- Ustaz dituduh cabul murid. (2010, 12 Februari). Harian Metro.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research; Design and Methods*. 3rded. Thousand Oaks: Sage.
- Zaharah Hussin. (2001). *Tanggapan Guru Terhadap Pelajar Sebagai Satu Bentuk Nilai Murni Dalam Pengajaran*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. 2001 34- 40.